

Bengkel Akademik SSMP

Leoneeta Rozwen Hassan



Satu bengkel akademik telah diadakan pada 16 dan 17 November 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat SSMP bagi membincangkan beberapa agenda iaitu penawaran kursus teras sekolah pada setiap semester, penawaran kursus Latihan Industri pada semester 2 tahun akhir pengajian, serta garis panduan penilaian dan penyediaan projek penyelidikan. Bengkel selama dua hari ini telah membuahkan hasil yang positif atas kerjasama perbincangan para pensyarah yang komited dan berdedikasi.

